

MENENGAH 2 EXP/NA

LATIHAN TOPIKAL 5

GOLONGAN KATA

Golongan Kata	Markah Penuh	Markah Yang diperoleh	Tarikh
Latihan 1	10		
Latihan 2	10		
Latihan 3	10		
Latihan 4	10		
Latihan 5	10		

LATIHAN 1

Arahan: Isi tempat kosong dengan perkataan yang sesuai bagi melengkapkan teks.

di	memilih	sungguhpun
kebanyakan	menjimat	tetapi
kesemua	semenjak	

Penguasa Pasaran Tenaga (EMA) mendedahkan bahawa pelancaran Pasaran Terbuka Untuk Bekalan Elektrik (OEM) di seluruh negara sedang berjalan dengan lancar. Ini disebabkan lebih ramai keluarga telah _____ (1) _____ untuk menukar pembekal elektrik rumah masing-masing. Para pengguna yang telah menukar pembekal elektrik masing-masing kini dapat _____ (2) _____ kira-kira 20 hingga 30 peratus bayaran tariff elektrik berbanding tariff terkawal yang dikuatkuasakan sebelum ini.

Menurut EMA, _____ (3) _____ keluarga telah melanggan Pelan Harga Biasa 24 bulan tanpa caj-caj tambahan atau caj tersembunyi. _____ (4) _____ hujung bulan Januari 2019, OEM di Jurong telah menyaksikan kadar pertukaran sebanyak 40 peratus sejak pelancaran kecil-kecilan pada April tahun lalu.

_____ (5) _____ demikian, Ketua Eksekutif (CEO) EMA, Ngiam Shih Chun berkata ada juga keluarga yang masih ingin melanggan khidmat bekalan elektrik daripada SP Group meskipun setelah sesetengah pengguna telah menukar kepada pembekal lain.

1. _____
2. _____
3. _____
4. _____
5. _____

LATIHAN 2

Arahan: Isi tempat kosong dengan perkataan yang sesuai bagi melengkapkan teks.

berdekatan	ditokok	meraih
dalam	menikmati	pada
dibatalkan	merai	

Bilangan keluarga yang menerima geran pemerintah untuk membeli rumah untuk tinggal bersama atau berdekatan ibu bapa atau anak-anak, telah meningkat hampir seganda.

Menurut Lembaga Perumahan dan Pembangunan (HDB), lebih 20,000 keluarga telah ____ (1) ____ manfaat hingga akhir tahun 2018, sejak Geran Perumahan Berhampiran dilancarkan ____ (2) ____ tahun 2015. Sebelum itu antara 2015 hingga 2017, hanya 11,000 keluarga yang menerima geran tersebut.

Peruntukan geran berkenaan telah ____ (3) ____ pada Februari 2018 untuk menggalakkan lebih ramai keluarga menetap berhampiran satu sama lain. Di bawah skim itu, semua keluarga rakyat Singapura yang membeli flat jualan semula untuk tinggal bersama ibu bapa atau anak-anak, ____ (4) ____ geran sebanyak \$30,000.

Mereka yang membeli flat jualan semula untuk tinggal ____ (5) ____ ibu bapa atau anak-anak pula menerima geran \$20,000. Di bawah skim yang sama, golongan yang masih bujang pula menerima setengah daripada jumlah yang diperuntukkan.

1. _____
2. _____
3. _____
4. _____
5. _____

LATIHAN 3

Arahan: Isi tempat kosong dengan perkataan yang sesuai bagi melengkapkan teks.

lama	menarik	saranan
melicinkan	pengunjung	singkat
membawa	penumpang	

Pelan Induk Pengangkutan Darat (LTMP 2040) bakal menentukan hala tuju rancangan-rancangan pengangkutan darat Singapura.

LTA telah mengumpulkan lebih tujuh ribu respons dan _____ (1) _____ daripada orang awam berhubung pelan tersebut. Mereka mahukan lebih banyak stesen MRT dan bas berdekatan, serta masa menunggu dan perjalanan yang lebih _____ (2) _____.

Menteri Negara Kanan Pengangkutan ketika itu, Dr Janil Putucueary, yang juga merupakan pengerusi Panel Penasihat LTMP, _____ (3) _____ perhatian tentang satu lagi dapatan, di mana para _____ (4) _____ Singapura mahu diberi lebih banyak pilihan pengangkutan. Selain itu, mereka berharap ia dapat memudah dan _____ (5) _____ lagi perjalanan. 13 syarikat dan pertubuhan mengambil bahagian dalam Laporan Maklum Balas Awam tersebut.

1. _____
2. _____
3. _____
4. _____
5. _____

LATIHAN 4

Arahan: Isi tempat kosong dengan perkataan yang sesuai bagi melengkapkan teks.

adalah	mencegah	pakar
ialah	mendadak	penggiat
manakala	namun	

Pada hujung Januari 2019, suhu di bahagian Barat Tengah Amerika Syarikat telah merosot ke paras lebih rendah daripada suhu di Antartika. Cuaca sejuk ini _____ (1) _____ yang paling buruk pernah dialami oleh kawasan-kawasan itu dalam generasi ini. Ia berpunca daripada putaran udara artik yang terputus daripada vorteks kutub yang biasanya berputar di kutub utara.

Penurunan suhu yang _____ (2) _____ itu telah menyebabkan banyak penerbangan dibatalkan _____ (3) _____ perniagaan-perniagaan juga terpaksa ditutup. Para penduduk di hampir 12 wilayah Amerika Syarikat juga telah dinasihati supaya berlindung di rumah. Ini sedang suhu di kawasan-kawasan berkenaan menjunam ke dua angka bawah sifar darjah Selsius.

Dalam keadaan cuaca sedemikian, orang ramai dinasihati untuk mengambil langkah-langkah sewajarnya untuk _____ (4) _____ luka beku. Antara langkah yang disarankan para _____ (5) _____ dermatologi adalah untuk mengenakan pakaian yang longgar, selesa dan berlapis. Selain itu, mereka juga menyarankan penggunaan sarung kepala dan tangan.

1. _____
2. _____
3. _____
4. _____
5. _____

LATIHAN 5

Arahan: Isi tempat kosong dengan perkataan yang sesuai bagi melengkapkan teks.

agar	mampu	mengemukakan
bahawa	mantap	setiap
goyah	meluluskan	

Sepanjang enam tahun lalu, kira-kira 3,500 penghuni flat sewa berjaya membeli flat di bawah skim Bina Ikut Tempahan (BTO) atau melalui Penjualan Flat Baki (SBF).

Lembaga Perumahan dan Pembangunan (HDB) menyatakan ____ (1) ____ sebelum ini, golongan tersebut tidak ____ (2) ____ membeli flat sendiri. Namun kini, mereka berupaya berbuat demikian dengan kedudukan kewangan yang lebih ____ (3) _____. Selain itu, mereka juga dibantu melalui pelbagai geran dan skim perumahan HDB.

Pada masa yang sama, para penghuni flat sewa yang ingin membeli flat flexi dua bilik atau flat tiga bilik yang baharu buat pertama kali, juga boleh ____ (4) ____ permohonan di bawah Skim Keutamaan Penyewa. Menurut HDB, kira-kira 600 penghuni flat sewa berjaya membeli rumah sendiri ____ (5) ____ tahun. 10% daripada flat-flat baharu yang ditawarkan akan dikhaskan untuk golongan berkenaan, di bawah skim tersebut.

1. _____
2. _____
3. _____
4. _____
5. _____